

Kertas Bil. 45/2019




**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS
PADA 29 DAN 31 JULAI 2019**

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (*PUBLIC
ACCOUNT COMMITTEE - PAC*)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 1
(PENGURUSAN AKTIVITI / KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB)
PENGURUSAN AKTIVITI
DAN TADBIR URUS
KERTAS BILANGAN 10/2019**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGANGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bilangan 10 / 2019	PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR	1. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas bagi CCSB perlu dibuat segera dan mesti berjumlah separuh daripada jumlah Ahli Lembaga Pengarah (ALP) sebagaimana yang ditetapkan di dalam Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas boleh dilantik daripada kalangan ahli akademik, pengamal media dan lain-lain bidang yang sesuai.			Pada 18 September 2019, CCSB telah membentangkan cadangan pelantikan dua ALP Bebas dan cadangan berkenaan telah pun diluluskan. CCSB telah menerima cabutan Minit Mesyuarat ALP CCSB Bil 02/2019 dan surat lantikan bertarikh 17 Oktober 2019 untuk dilampirkan pada AG's Dashboard Audit Negara. ALP Bebas yang dilantik ialah mantan Pengerusi Media Prima, Tan Sri Johan Jaafar dan Pengarah Merdeka Centre, Ibrahim Suffian. Pelantikan itu menjadikan satu pertiga daripada ALP CCSB adalah berstatus bebas manakala dua pertiga tidak bebas.




MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGANGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
	TADBIR	2. Pada masa yang sama, MBI disaran untuk meneliti semula komposisi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat dan anak-anak syarikat dan memastikan prinsip yang sama digunapakai.	✓		CCSB akan menurut arahan MBI berhubung perkara berkenaan.
		3. Surat lantikan pertama Encik Eddie Adianto bin Ahmad Khozali sebagai CEO CCSB dikeluarkan segera supaya tidak menimbulkan implikasi terhadap segala keputusan syarikat serta pembayaran gaji beliau.	✓		CCSB tidak mengeluarkan surat pelantikan secara <i>backdated</i> atas nasihat Jabatan Undang-undang MBI. Namun pada 2 Mei 2019, Surat Ratifikasi dan Pengesahan Pelantikan Jawatan Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif CCSB telah ditandatangani oleh ALP CCSB. Pada 27 Mei 2019, bukti dokumentasi telah dikemukakan kepada Bahagian Susulan Audit

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
					JAN dan AG's Dashboard untuk penelitian dan tindakan selanjutnya. Semakan terkini di AG's Dashboard pada 7 September 2019 mendapati isu berkenaan telah ditanda sebagai 'hijau' (selesai) dan tidak memerlukan maklum balas lanjut.
		4. Kerajaan Negeri disarankan mewujudkan satu bahagian khas untuk memantau tadbir urus anak-anak syarikat kerajaan negeri.	✓		Pengurusan CCSB sentiasa bersedia untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan Negeri sekiranya wujud unit pemantauan di peringkat UPEN.
		5. CCSB perlu membuat perubahan strategi bagi menambahbaik sasaran pembaca dengan Selangorkini mendalami minat dan kecenderungan kumpulan sasar. Ini bagi memastikan peruntukkan besar yang dibelanjakan setiap tahun	✓		Pada Mac 2019, CCSB telah melantik Ketua Pengarang Kumpulan baharu untuk menerajui pelan strategik CCSB selaku media rasmi Kerajaan Negeri. CCSB juga akan mengambil kira hasil kajian keberkesanan yang dilaksanakan IDE dalam membuat perancangan strategik berkenaan.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
		membawa pulangan kepada Kerajaan Negeri dan sebaliknya tidak menjadi suatu pembaziran.			Pada masa sama, pasukan 'editorial' CCSB kini bekerjasama erat dengan Pejabat MIB bagi memastikan SelangorKini dan TV Selangor lebih berdaya saing dan memenuhi citarasa pembaca. Pada 18 September 2019, CCSB telah membentangkan pelan penstrukturan semula carta organisasi syarikat termasuk organisasi pasukan Editorial dan Komunikasi Strategik kepada ALP CCSB dan cadangan berkenaan telah diluluskan. Pada masa sama, CCSB di bawah Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) baharu kini sedang merangka pelan strategik kesemua jabatan bagi tahun 2020 dan dijangka siap menjelang akhir tahun ini.
		6. CCSB perlu memberi perhatian yang serius dalam mengambil tindakan-tindakan			CCSB mengambil maklum dan sentiasa bertindak bagi membolehkan status teguran audit

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGAGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
		pembetulan dan penambahbaikan dengan segera bagi memastikan semua isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2017 berstatus selesai. Ini kerana sekiranya tindakan penyelesaian lambat diambil ia akan memberikan impak yang negatif kepada imej Kerajaan Negeri.			ditanda sebagai selesai. Pada 7 September 2019, semakan pada AG's <i>Dashboard</i> mendapati hanya tinggal dua isu berstatus 'kuning' (belum selesai) dan perlu dikemaskini CCSB iaitu isu berhubung pelantikan ALP Bebas dan SOP Penurunan Kuasa. CCSB telah memuatnaik maklum balas terkini kedua isu tersebut pada AG's <i>Dashboard</i>. CCSB menjangkakan dengan maklum balas berkenaan, kedua isu akan bertukar 'hijau' (selesai) dan tiada lagi isu yang perlu dikemaskini.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB) - PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR BAGI MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/ TINDAKAN MMKN
		7. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi memastikan pemantauan aktiviti dan prestasi syarikat dapat dibuat dengan lebih efektif dan sebarang masalah atau kelemahan, jika ada, dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera.	✓		Pengurusan CCSB sentiasa bersedia mengikut arahan untuk menyertai mesyuarat ALP yang ditetapkan pihak atasan pada bila-bila masa sepanjang tahun dalam usaha memantau prestasi dan aktiviti CCSB selaku anak syarikat Kerajaan Negeri. Bermula 2020, CCSB di bawah KPE baharu juga komited untuk mengadakan mesyuarat ALP sebanyak empat kali setahun, iaitu satu mesyuarat bagi setiap suku tahun.